



قِيَامَتُكُمْ وَأَحَاكِمَةُ شَرِيْعَتِكُمْ فَوَلَّوْهُنَّ

**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**  
No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang  
Tel.: 04-830 7726 Faks: 04-830 7880  
<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 ( 38 )

Tarikh : 12 Zulkaedah 1439H  
25 Julai 2018

Yang Arif Hakim–Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Ketua Pendaftar / & Pendaftar  
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2018**  
**PERINTAH FARAID YANG DIHANTAR KEPADA BAITULMAL**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2018 pada 23 Februari 2018 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, bagi mana-mana Perintah Faraid yang terdapat bahagian Baitulmal hendaklah dinyatakan harta-harta yang berkaitan ketika perintah tersebut dihantar kepada Baitulmal.

2. Oleh itu, Perintah Faraid yang dihantar kepada Baitulmal hendaklah dikepilkan bersama borang permohonan dan affidavit pemohon.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**  
**“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' MOHAMAD SHAKIR BIN ABDUL HAMID)**

Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang